

HKN 101: Puitika dan Konvensi Dalam Kesusasteraan Nusantara

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Puitikan ini ialah hasil ciptaan suatu persekitaran, suatu masyarakat, pandangan dan cara hidup dan menuntut kritikawan melihat keseluruhan konteksnya.

(Muhammad Haji Salleh)

Bincangkan pandangan di atas dengan mengambilkira unsur-unsur utama yang membina puitika Melayu sebagaimana tergambar dalam buku *Puitika Melayu Suatu Pertimbangan* hasil tulisan Muhammad Haji Salleh.

2. Puitika sastera mempunyai hubungan yang erat dengan konvensi sastera. Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada penghasilan pantun Melayu.
3. Khalayak memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan sesebuah persembahan cerita lisan. Bagaimanakah pengetahuan penutur cerita tentang khalayak akan membantu dalam proses penyampaian ceritanya?

..12-

4. Seorang pengarang berada di peringkat yang paling rendah kalau dia menghasilkan sebuah karya yang penuh keindahan (keindahan luaran) dan kerana itu mampu memulihkan harmoni perasaan dalam hati pembaca, dalam nafsu haiwaninya. Dia naik ke peringkat yang lebih tinggi jika karangan yang ditulisnya menguatkan dan menyempurnakan akal dengan faedahnya (keindahan dalaman). Pada peringkat yang tertinggi, sebuah karya sastera menyempurnakan pengetahuan manusia tentang al-Khalik dan agama-Nya serta menyiapkan hati nurani untuk menerima ilham Ilahi.

(V.I. Braginsky)

Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada kedudukan dan keperluan keilmuan seseorang pengarang dalam konteks penghasilan karya-karya sastera berdasarkan salah satu daripada Sfera Keindahan anjuran Braginsky.

5. Menurut Braginsky, karya daripada genre penglipurlara digolongkan dalam Sfera Keindahan luaran kerana fungsi karya yang memberi hiburan yang bersifat kederiaan. Bincangkan pandangan tersebut dengan merujuk kepada sebuah karya penglipurlara Melayu atau kaba Minangkabau atau pantun Sunda atau cerita Panji Melayu.
6. Nyatakan beberapa ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam epik *Hikayat Hang Tuah* berbanding dengan karya-karya penglipurlara Melayu. Watak Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* bukan sahaja melambangkan seorang wira Melayu yang “pantang menderhaka kepada raja” tetapi juga lambang wira yang sangat suka membuat kebaktian kepada raja. Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
7. Puitika sastera bercorak sejarah mengambilkira unsur-unsur cerita yang mengandungi makna tersirat dan bersifat kritikan sosial. Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang (*Sejarah Melayu*) dan episod Raja Bersiong (*Hikayat Merong Mahawangsa*).
8. Simbol merupakan salah satu unsur keindahan yang penting dalam karya sastera bercorak kerohanian. Dengan merujuk kepada beberapa contoh simbol yang penting yang terdapat dalam *Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham* atau dalam karya-karya kerohanian yang lain, bincangkan peranan dan keberkesanan simbol-simbol dalam membina keindahan karya kerohanian tersebut.